

20 SEP 2002

BELANJAWAN-STRATEGI

BELANJAWAN BERI PENEKANAN JANA PERTUMBUHAN EKONOMI LEBIH TINGGI

KUALA LUMPUR, Sept 20 (Bernama) -- Belanjawan 2003 yang dibentangkan hari ini telah memberi penekanan kepada aktiviti perniagaan dan perusahaan dalam negeri bagi menjana pertumbuhan yang lebih tinggi.

Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad selaku Menteri Kewangan berkata demikian ketika membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat hari ini.

Belanjawan 2003 akan mengutamakan strategi meningkatkan pelaburan tempatan dalam semua sektor yang berpotensi menjana pertumbuhan.

Ianya juga akan mengenal pasti dan menerokai bidang baru dalam sektor perkhidmatan, pertanian dan pembuatan.

Perdana Menteri berkata pasaran dalam negara tidak cukup besar untuk membawa ekonomi ke hadapan tetapi kuasa beli 24 juta rakyatnya boleh dipertingkatkan.

Sumbangan setiap penduduk Malaysia hanyalah AS\$4,000 sahaja dan sekiranya, setiap seorang menambah produktiviti mereka, KDNK dan daya saing negara juga akan meningkat.

Dalam masa yang sama, pendapatan per-kapita rakyat Malaysia sudah tentu akan menjadi lebih tinggi, tambahya lagi.

Dr Mahathir berkata Malaysia perlu mengkaji bagaimana sumbangan rakyat Malaysia kepada ekonomi negara dapat dipertingkatkan.

Pendekatan yang telah diambil untuk beralih daripada pertanian kepada pembuatan, telah berjaya menambah pendapatan per-kapita.

Pendapatan per-kapita kini telah bertambah ke hampir AS\$4,000 daripada AS\$300 semasa merdeka.

"Dengan menambahkan lagi nilai ditambah keluaran kita, maka KDNK dan seterusnya pendapatan per kapita kita akan meningkat", katanya.

Sebagai contoh, Dr Mahathir berkata, negara-negara kecil di Eropah yang berpenduduk lebih rendah dari Malaysia mampu dibangunkan menjadi negara maju.

Sungguhpun Switzerland hanya mempunyai penduduk 3.0 juta dan Luxembourg, kurang daripada 1 juta, namun pendapatan per kapita rakyat mereka lebih tinggi.

Penduduk negara-negara itu mempunyai pendapatan per kapita sebanyak AS\$44,000 dan setiap penduduk meyumbang AS\$44,000 kepada ekonomi negara mereka.

Perdana Menteri juga berkata, Belanjawan 2003 akan memantapkan kewangan sektor awam serta mempertingkatkan kecekapan Perkhidmatan Awam.

Ianya juga akan memupuk masyarakat progresif, berakhlak dan berharmoni serta menjamin kesejahteraan rakyat, terutamanya masyarakat di luar bandar.

-- BERNAMA

MFZ OS